

# Garis panduan bina rumah ibadat sudah jelas

**PETALING JAYA:** Tiada keperluan untuk sesi libat urus baharu berhubung garis panduan pembinaan rumah ibadat bukan Islam kerana perundangan sedia ada sudah jelas.

Pakar geostrategi, Prof. Dr. Azmi Hassan berkata, ini kerana sebarang pembinaan rumah ibadat di tanah persendirian, awam atau milik kerajaan tetap memerlukan kebenaran pihak berkuasa.

“Undang-undang sedia ada cukup jelas. Mana-mana binaan tanpa kebenaran, tidak kira rumah ibadat atau struktur lain, tetap dianggap sebagai binaan haram,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa isu tanah di Jalan Masjid India perlu dikendalikan mengikut undang-undang kerana kuil tersebut dibina tanpa kebenaran pemilik tanah terdahulu



**AZMI HASSAN**

mahupun sekarang.

“Kuil itu dibina tanpa kebenaran daripada pemilik tanah, sama ada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dahulu atau syarikat yang memilikinya kini.

“Kita negara hukum, tetapi demi menjaga hubungan kaum, rundingan tetap dilakukan agar pemindahan rumah ibadat bagi penganut Hindu

dibuat dengan baik,” kata Anwar.

Mengulas lanjut, Azmi berkata, isu pembinaan rumah ibadat tanpa kebenaran bukan perkara baharu dan perlu ditangani mengikut peraturan sedia ada bagi mengelakkan sebarang polemik berterusan.

“Tidak kira agama atau kaum, peraturan tetap perlu dipatuhi. Kita tidak boleh membiarkan mana-mana pihak membina rumah ibadat secara sesuka hati tanpa kelulusan.

“Namun, dalam kes tertentu seperti pemindahan kuil yang telah lama wujud, pendekatan berhemah dan diplomasi adalah penting bagi memastikan ia dapat diselesaikan secara harmoni,” katanya.

Dalam pada itu, Azmi berkata, kerajaan perlu tegas dalam penguatkuasaan undang-undang bagi mengelakkan masalah serupa berulang pada masa hadapan.